

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD**  
**YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN NO. 428**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik golongan ibu tunggal yang perlu menyara anak sendiri mengikut pecahan negeri dan apakah inisiatif Kementerian bagi meringankan beban mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumpulan data atau statistik ibu tunggal dilaksanakan oleh dua (2) agensi iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), JPM melalui dua (2) kaedah:

- (i) **Pendaftaran Sistem iWanita di bawah JPW:** Pendaftaran secara sukarela oleh ibu tunggal yang mengikuti program di bawah JPW. Statistik ibu tunggal dalam Sistem iWanita dari 2017-2019 adalah seramai 78,940 orang dengan 113 orang ibu tunggal kategori Ketua Isi Rumah (KIR) yang menyara keluarga.
- (ii) **Pendaftaran Sistem eKasih di bawah ICU:** Pendaftaran secara permohonan dan banciaan untuk mendapatkan statistik ibu tunggal di seluruh negara bagi tujuan pemberian bantuan kerajaan. Statistik ibu tunggal dalam Sistem eKasih sehingga 28 Februari 2019 adalah seramai 103,488 orang dengan pecahan 8,081 KIR Miskin Tegar, 19,917 KIR Miskin dan 75,490 KIR berstatus terkeluar.

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan Program Peningkatan Kapasiti Wanita berkonsep *Community Based Enterprise* (PACBE) bagi memperkasa wanita terutama kumpulan B40 dengan sasaran 30% penyertaan ibu tunggal. PACBE mempunyai empat (4) fokus utama:

- (i) inisiatif pembangunan kemahiran (bidang kemahiran yang ditawarkan seperti jahitan dan sulaman, mobile spa, solekan pengantin, kraf kreatif, pembuatan kuih dan kek, urutan post-natal dan tanaman);
- (ii) kemahiran keusahawanan (pembungkusan, pemasaran, *digital marketing*);
- (iii) komuniti harmoni (lay kaunselor, sukarelawan); dan
- (iv) advokasi (program *legal clinic*, *d'stress clinic*, kempen wanita anti jenayah, hentikan keganasan terhadap wanita).

PACBE adalah satu bentuk pendekatan keusahawanan berkonsepkan kerjasama antara usahawan-usahawan JPW ataupun individu berkemahiran yang telah berjaya dalam bidang masing-masing, untuk

memberikan latihan serta berkongsi ilmu bagi membantu peserta wanita termasuk ibu tunggal menjana pendapatan. Program dilaksanakan secara meluas ke seluruh negara melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).

Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta dengan 2,500 orang daripadanya adalah ibu tunggal. Manakala Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan program MamaCare, perkhidmatan penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan, bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare.

Selain itu, Kerajaan melalui agensi-agensi lain turut menyediakan peluang kepada wanita termasuk ibu tunggal untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui program DanaNita di bawah MARA, program MySMELady di bawah SME Bank dan juga program *Women Netpreneur* yang dilaksanakan dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Gorgeous Geeks (badan NGO) dan enam penyedia platform eCommerce iaitu Shopee, 11street, Lelong, Facebook, Buy Malaysia (MPay) dan Global Halal Data Pool. Siri latihan digital komprehensif ini merangkumi pengenalan kepada teknologi dan platform eCommerce yang terdapat di pasaran, latihan praktikal bagi penyediaan platform eCommerce dan teknik menjual secara dalam talian.